


BULETIN

PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL



7 APRIL 2023

THE JAMES DYSON FOUNDATION AWARD 2023 DYSONATE

Program The James Dyson Foundation Award 2023 DYSONATE telah dianjurkan oleh PPM pada 7/4/2023, 9.45 am - 11.30 am. Program bual bicara ini adalah bertujuan untuk mendedahkan mahasiswa UTHM tentang cara untuk menguruskan projek semester akhir bagi pelajar tahun akhir, kelayakan atau kriteria untuk memohon anugerah James Dyson beserta cara untuk memohon anugerah James Dyson tersebut. Program ini telah dihadiri oleh dua orang panel jemputan iaitu En. Haikal Isa dan En Kamarul Baharin yang merupakan engineer dibawah syarikat James Dyson. Selain itu, En Haikal Isa juga merupakan alumni UTHM. Program ini mendapat sambutan memberansangkan oleh mahasiswa UTHM dengan penyertaan peserta seramai 111 orang. Selain mmeperolehi maklumat berkaitan James Dyson

8 APRIL 2023

PROGRAM SEINDAH KASIH RAMADHAN,IFTAR JAMAIE,TADARUS AL QURAN,KHATAM AL QURAN DAN BACAAN YAASIN TAHLIL ARWAH WSM 2023M/1444H



Program Program Seindah kasih Ramadhan,Iftar Jamaie,Tadarus Al Quran,Khatam Al Quran dan Bacaan Yaasin Tahlil Arwah Warisan Serempang Merah 2023M/1444H telah diadakan pada 8/4/2023 pada pukul 9.00 am-11.00 pm bertempat di Pejabat WSM Parit Raja Batu Pahat Johor. Program ini adalah anjuran Kebajikan Serempang Merah Malaysia dengan kerjasama Team HEPA FKMP dan PPM. Selain itu beberapa badan NGO seperti Ikon Muda, Mai Pakat, Mantap Sheikh dan Al Haddad turut bekerjasama bagi memeriahkan lagi program. Seramai 4 orang AJK yang terdiri daripada ahli PPM telah membantu melaksanakan program ini sebagai AJK teknikal sepanjang program berlansung. Program ini telah menjalankan pelbagai aktiviti yang menarik seperti rewang bubur lambuk, sumbangan aidilfitri kepada asnaf, iftar jama'ie, bacaan yaasin dan tahlil arwah, solat terawikh berjemaah, WSM berselawat, tadarus al-quran dan khatam al-quran.

14 APRIL 2023

SEMARAK QASEH RAMADHAN: MAJLIS KHATAM AL-QURAN



Sepanjang bulan ramadan yang penuh barakah, Team HEPA FKMP telah menganjurkan program Semarak Qaseh Ramadhan. Program ini merangkumi pelbagai aktiviti seperti Tadarus Al-Quran, Majlis Khatam Al-Quran dan Tazkirah Ramadhan. Pada 14/4/2023 Majlis Khatam Al-Quran telah diadakan. Program tersebut bermula pada pukul 10 am dan tamat pada jam 12.30 pm. Program ini disertai oleh 30 orang peserta dimana 4 orang daripada peserta dilantik untuk menjadi qari bagi melaksanakan majlis tersebut. Selain itu majlis ini juga diserikan lagi dengan sesi penyampaian tazkirah ringkas berkaitan Nuzul Quran dan malam Lailatul Qadar oleh saudara Muhamad Ariff Lukman selaku presiden PPM.

15 APRIL 2023

SEMARAK QASEH RAMADHAN: TAZKIRAH RAMADHAN

"RABBANIYYIN BUKAN RAMADHANIYYIN (HAMBA ALLAH BUKAN HAMBA RAMADAN)"



Sepanjang bulan ramadhan yang penuh barakah, Team HEPA telah menganjurkan program Semarak Qaseh Ramadhan. Program ini merangkumi pelbagai aktiviti seperti Tadarus Al-Quran, Majlis Khatam Al-Quran dan Tazkirah Ramadhan. Pada 15/4/2023 telah diadakan Tazkirah Ramadhan Tajuk: Rabbaniyyin Bukan Ramadhaniyyin (Hamba Allah Bukan Hamba Ramadan). Program ini bermula pada pukul 10.00 pagi dan tamat pada jam 12.30 tengahari. Sehubungan itu, penceramah jemputan telah dijemput iaitu Ustaz Azam Al-Kankari atau lebih dikenali sebagai Dai Azam. Program ini telah mendapat sambutan yang sangat baik dalam kalangan mahasiswa universti awam seperti UTHM, USM, UiTM dan UMT dan disertai oleh sejumlah 84 orang peserta. Yang berbahagia Timbalan Dekan HEPA Prof Madya Ts. Dr. Rasidi bin Ibrahim juga turut menyertai program ini bersama beberapa orang staf FKMP. Melalui program tazkirah ini mahasiswa dapat pelbagai nasihat dan ilmu yang bermanfaat untuk menyempunakan lagi amalan semasa bula Ramadhan dan memberkati makna disebalik tajuk tazkirah yang dibincangkan. Selain itu sesi soal jawab secara atas talian bersama penceramah juga memberi peluang kepada peserta untuk menyuarakan atau menyoal berkaitan segala kemusykilan tentang masalah agama.

POSTER KELUARAN PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL BAGI BULAN APRIL 2023

UTHM 30

The James Dyson Foundation Award 2023

DYSONATE

Join us for an exclusive briefing session to learn about the JDF AWARD 2023 Open to all FKMPP's 3rd students and faculty. SMAP provided. Don't miss out!

7 April 2023
ZOOM meeting

9.45 AM - 11.30 AM

REGISTRATION LINK: <https://bit.ly/DYSONATE2023>

KAMARUL BAHARIN
Test Development

HAMAL ISA
Design Engineer

FKMPP

Peraturan Pelajar Mekanikal
peraturanpelajar@mekanikal.com

Program Seindah Kasih Ramadhan, Iftar Jamaie dan Bacaan Yaasin Tahlii Arwah WSM 2023M/1444H

ANJURAN KEBAJIKAN WARISAN SELEMPANG MERAH MALAYSIA

HAPE SABTU | TARIKH 8 APRIL 2023 | MASA 3.00PM-11.00PM

AKTIVITI

- REWANG RUBRI LAMBUK
- SUMBANGAN ADILFITRI KEPADA ASNAF
- IFTAR JAMAYE
- BACAAN YAASIN DAN TAHLIL ARWAH
- SOLAT TERAWIKH BERJEMAAH
- WSM BERSELARWET
- TADARUS AL-QURAN
- KHATAM AL-QURAN

TEMPAT
PEJABAT WSM PARIT RAJA BATU PAHAT JOHOR

UTHM 30

مَجْلِسُ خَتَمِ الْقُرْآنِ

MAJLIS KHATAM AL-QURAN

JUMAAT | 14 APRIL 2023
BERSAMAAN 23 RAMADAN 1444H

MASA: 10 PAGI
PLATFORM: MICROSOFT TEAMS

IMBAS UNTUK SERTAI

<https://bit.ly/MAJLISKHATAM>

FKMPP

Peraturan Pelajar Mekanikal
peraturanpelajar@mekanikal.com

UTHM 30

Rabbaniyyin bukan Ramadhananiyyin

"Hamba Allah Bukan Hamba Ramadan"

15 April 2023
Sabtu

10 am - 12.30 pm

<https://bit.ly/YAZKIRAHAMADAN23>

IMBAS UNTUK SERTAI
Meeting ID: 473 700 342 834
Passcode: 7TV7pu

SMAP dan E-SIJIL DISEDIAKAN

USTAZ AZAM AL-KANKARI
Finalis Da'i muslim 1

FKMPP

Peraturan Pelajar Mekanikal
peraturanpelajar@mekanikal.com



DITERBITKAN OLEH:



PENYELERAS TD HEPA &
PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL DAN PEMBUATAN